

Simposium Antarabangsa Neurosains beri faedah kepada semua komuniti

Oleh **S.CONNIE PEARL SUIL**
conypearl09@gmail.com
UB 10.06.2012 A2

KOTA KINABALU: Simposium Antarabangsa Neurosains 2012 yang berlangsung pada 23 hingga 25 Julai ini bakal memberi peluang dan faedah kepada semua komuniti, khususnya dalam bidang pengetahuan kajian neurosains.

Pengerusi Simposium Antarabangsa Neurosains 2012, Professor Dr. Perumal Ramasamy, berkata melalui simposium itu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil peluang untuk mengendalikan serta membincangkan pengetahuan untuk dikongsikan bersama komuniti.

Katanya, simposium yang bakal diadakan di Sekolah Perubatan UMS itu turut memberikan pengetahuan mengenai otak dan sistem saraf dalam kajian neurosains

dan hubungkaitnya dengan manusia.

“Selain itu, ia menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang neurological disorders seperti Alzheimer, Parkinson, Schizophrenia, Spina bifida.

“Kajian mengenai otak masih dalam penyelidikan sehingga kini... bidang perubatan mental dan otak merupakan skop yang luas dan sestengah daripada kajiannya belum terjawab,” katanya pada sidang media Simposium Antarabangsa Neurosains, di sini kelmarin.

Simposium itu dianjurkan bersama UMS dengan Institut Penyelidikan Brain Monash Sunway (BRIMS) dan Neuro Malaysia Society.

Dalam pada itu, seramai 15 pensyarah terkemuka daripada Malaysia, Jepun, dan Australia akan hadir untuk berkongsi pengalaman bersama peserta.

“Kita menjangkakan 200


penyertaan dan mereka yang berminat untuk menyertai dialau-alukan,” kata Perumal.

Sementara itu, Pemangku Dekan Sekolah Perubatan, Prof. Dr. D. Kamarudin D. Mudin berkata simposium itu akan memberi peluang bagi mempergiatkan lagi aktiviti dalam pelbagai penyelidikan.

“Simposium itu juga akan menarik lebih ramai orang untuk datang ke Sabah bagi menjalankan aktiviti kajian.

“Di samping itu, kita memperkenalkan kepakaran yang sedia ada, ini juga mampu menarik perhatian masyarakat luar Sabah mengadakan kolaborasi bersama UMS serta mendekatkan diri dengan komuniti,” katanya.

Bagi mereka yang berminat menyertai simposium itu, boleh menghubungi jawatankuasa penganjur di talian 088-320000.



PERUMAL (tengah) memberi penjelasan kepada media. Turut kelihatan Kamarudin (kanan).